

# Qalam

Bilangan 110 Rabiul Awal 1379 September 60 sen

## Tahniah kepada Pejabat Agama Perak

Menurut siaran akhbar maka Pejabat Agama Perak telah membuat sejarah baharu di dalam mengembangkan agama Islam iaitu dengan mengadakan van yang dialatkan dengan kelengkapan-kelengkapan pelaung suara dan alat-alat wayang gambar yang digunakan kerana memberi penerangan-penerangan agama ke kampung-kampung di seluruh negeri Perak.

Kalau syarahan-syarahan agama biasa diberi di dalam masjid dan surau atau sekolah-sekolah – yakni di tempat-tempat yang tertentu maka dengan adanya langkah ini sudah tentu syarahan-syarahan dan penerangan-penerangan agama itu boleh diadakan di mana-mana, di pekan-pekan sehari di seluruh Perak dan pada malamnya diadakan pula pertunjukan-pertunjukan wayang gambar untuk menarik hadirin ke sana.

Sungguhpun tidak disebutkan apakah jenis wayang gambar yang ditunjukkan tetapi kita yakin bahawa wayang-wayang yang ditunjukkan itu adalah menepati kepada tujuan-tujuan dan maksud-maksud agama.

Kita percaya Pejabat Agama Perak juga kelak akan mengusahakan filem-filem mengajar berwudhuk, sembahyang dan seterusnya mengenai peribadatan hari-hari bahkan tidak sunyi juga kelak akan berusaha mengadakan filem-filem yang mengenai kehidupan hari-hari secara Islam terutamanya yang mengenai rumah tangga.

Memberi pelajaran dan pertunjuk dengan filem ini adalah seperkara yang sangat mustahak kerana ia akan lebih memberi kesan daripada hanya memberi pengajaran-pengajaran dengan cakap bahkan dengan filem itu lebih mudah menunjukkannya

daripada cakap dan kitab-kitab sahaja.

Kita berharap langkah seperti di Perak ini akan diteladani oleh lain-lain bahagian dan di sebalik itu janganlah pula dilupakan supaya pejabat-pejabat agama itu melatih pensyarah-pensyarah baharu dengan suatu latihan didasarkan menggunakan kebijaksanaan dan hikmah dan dengan kadar yang diterima oleh orang-orang yang menerima. Berilah kesedaran kepada umat atas tanggungjawab mereka terhadap agamanya, atas mengesakan Tuhan. Kurangkan dahulu menakut-nakuti umat dengan hukuman-hukuman Tuhan kerana kalau ia belum mengenal agama dan belum mempunyai kesedaran, walau bagaimanapun kita menakut-nakutkan mereka dengan azab Tuhan, hanya didengarnya di situ sahaja sedang hatinya ke lain – tidak menyertai ketakutan itu.

Jauhkan sama sekali dalam memberi penerangan-penerangan kepada umat itu dengan memukul, menggunakan ayat-ayat untuk memukul sesuatu golongan atau peribadi tetapi berilah nasihat-nasihat yang membawa keinsafan dan kesedaran dengan cara bijaksana dan baik semoga apabila mereka telah insaf nanti dengan sendirinya ia akan patuh kepada hukum-hukum Tuhan.

Dengan cara ini bolehlah kelak diharap bahawa kemajuan agama kita akan maju dan berjaya. Sebaliknya janganlah hendaknya langkah mengembangkan agama ini dan langkah memberi penyederhan agama ini hanya dijalankan oleh pejabat agama sahaja tetapi hendaklah ada di antara pertubuhan-pertubuhan yang ke tengah yang berusaha melangkah berjalan memberi penerangan dengan alat-alat seperti ini, kita berpendapat menyeru orang dan menyedarkan orang ini lebih besar baktinya daripada mendirikan masjid kerana masjid berdiri tidak berfaedah kalau tidak ada yang menggunakan.

## Kerajaan Singapura dengan Perusahaan

Tuan Lee Kuan Yew, Perdana Menteri Singapura, tatkala bercakap di dalam jamuan Dewan Perniagaan Singapura telah menyatakan bahawa kerajaan sangat-sangat menggalakkan perusahaan-perusahaan supaya dibuka dan dimajukan kerana ini bererti menjadi suatu perkara yang bakal memberikan pekerjaan-pekerjaan kepada banyak